

DI MANA BAHAGIA RAYA

Apakala kita layangkan pemandangan dan fikiran kita kepada alam yang berlangit biru, berbintang bergemerlapan, berawan bermega, berbulan bercahaya terang, berbumi bertanah subur, berlaut terbentang luas, berjenis-jenis berbagai-bagai keindahan, maka kesemuanya ini adalah memberi kesan kepada manusia bahawa Allah Subhānahu wa Ta‘ālā menjadikan segala yang tersebut ini akan mendatangkan bahagia raya kepada manusia dan mendampirkan perhubungan jiwa dengan Tuhan Rabb al-‘Ālamīn.

Oleh sebab itu maka segala yang melarat di dunia ini atau segala alam yang beryawa sama ada tumbuh-tumbuhan mahu pun binatang-binatang terutama sekali manusia adalah hidup dengan tujuan mengejar bahagia yang sepadan dengan bentuk badan masing-masing. Cubalah perhatikan rumput rantai hidup memanjat dan menjalar, hidup mendaki dan menurun di sepanjang tanah, kesemuanya adalah mencari kesenangan hidup dalam mengejar bahagia.

Kemudian daripada itu perhatikan pula hal kelkatu yang sengaja terbang mendekati lampu hingga terbakar hangus tersebut dari panas cahaya lampu itu tetapi tidak diendakkannya asalkan kesenangan yang ditujunya itu tercapai iaitu mendapat cahaya terang. Setelah itu alihkan pula pandangan kepada unggas mergastua dan binatang-binatang liar di dalam hutan rimba yang hidup memencil dan mengasingkan diri dengan tujuan hendak mencari bahagia semata-mata.

Sekarang mari sama-sama kita perhatikan pula kehidupan manusia di dunia ini sama ada yang di Barat mahu pun di Timur, yang berwarna putih atau yang hitam, yang bersopan atau biadab, kesemuanya bekerja membanting tulang untuk memenuhi kehendak hidup, menuju kesenangan diri mencari hidup yang berbahagia, berbagi-bagi corak penghidupan manusia bermacam-macam pekerjaan yang dikerjakan mereka, berbeza apa-apa yang diperbuat

itu, kesemuanya ini adalah dimaksudkan untuk keselamatan diri, keselamatan bangsa dan tanahair di atas dataran bumi Allah ini kerana berharap akan mendapat kejayaan umat di segenap penjuru alam ini sehingga diadakan pula sebuah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Amerika, gunanya ialah tempat ahli-ahli undang-undang cerdik dan pandai berfikir dan berbahas, berunding dan bermesyuarat dengan tujuan-tujuan supaya dapat menghasilkan bahagia raya aman sentosa.

Segala yang beryawa memang berkehendakkan bahagia, carilah pada bunga yang baharu kembang, dalam danau dan dalam sungai yang mengalir. Carilah bahagia pada matahari yang terbit pagi dan terbenam petang, pada awan yang sedang berarak dan berkumpul, pada burung-burung yang sedang hinggap dan sedang terbang, pada bintang-bintang yang berkelap-kelip dan tetap pada tempatnya. Carilah bahagia dalam kebun bunga dekat rumahmu, dalam pekarangan yang baharu dibuat, pada barisan tanamannya yang baharu di tepi sungai sambil termenung, di pucuk-pucuk bukit yang didaki, di lurah yang dituruni, carilah bahagia ketika mendengar aliran air di tengah malam, pada bunyi angin yang berdesir-desir, pada pergeseran daun kayu yang hendak gugur. Pada bunyi cengkerik di tengah malam, bunyi katak di tengah sawah. Carilah bahagia pada persahabat yang akrab, memberikan khairat kepada fakir dan miskin, melepaskan hajat



Warganegara Indonesia di Brunei dalam suatu perjumpaan beramah tamah baharu-baharu ini.

orang yang sengsara – di sanalah adanya bahagia yang sejati itu, demikian kata mereka.

Ada pula di antara hukama Islam yang berkata, barang siapa yang mencari barang yang tidak ada di dunia ini maka akan sesialah perjalanannya, kerana barang itu hanya ada dalam syurga sahaja iaitu kesenangan, di sanalah kesenangan itu terletak.

Selain daripada itu ada lagi pendapat-pendapat hukama tentang bahagia. Kesemuanya itu masih tersimpul kepada beberapa perkara. Ada yang berkata bahawa bahagia itu terletak kepada kesihatan diri. Pada kejernihan fikiran, pada budi pekerti yang baik. Ada yang berkata pada ketakutan diri kepada Tuhan, begitu juga ada pula yang berkata bahawa bahagia itu akan diperoleh seseorang apakala lidahnya terselamat daripada memperkatakan aib-aib orang lain.

Sekianlah banyaknya pendapat orang tentang bahagia itu. Sekarang marilah sama-sama kita perhati apakata agama Islam supaya kita sama-sama mendapat pengertian dan sama beramal dengan petunjuk yang lurus. Sabda Rasulullah shallā Allāh ‘alaihi wa sallam tentang bahagia: (*al-Sa’ādah kullu al-sa’ādah ṭūli al-‘umur fi ṭā’ati Allāh*). Ertinya: “Bahagia yang mengatasi segala bahagia ialah umur yang panjang dalam taat kepada Tuhan”. Jadinya menurut sabda Nabi itu adalah bahagia itu akan diperolehi,

oleh seseorang yang telah mendapat cinta kepada Tuhan, sehingga memandang ia bahawa perintah Tuhan itulah yang terlebih utama dan dijunjung tinggi. Dari penerangan ini dapatlah oleh kita kesimpulan bahawa semakin dekat diri seseorang kepada Allah maka semakin besar pulalah bahagia yang didapatnya yakni kesenangan jiwa mempersembahkan kehidupan sehari-hari.

Berkenaan dengan soal penghiduapan maka Nabi besar kita Muhammad shallā Allāh ‘alaihi wa sallam ada pula memberi pengajaran supaya hati tetap merasai lezat bahagia ini (*Man aṣbaḥa amnān fī sarbihi ma ‘āfī fī badanihi wa lahu qawt yawmihi fa ka’annamā ḥīzat lahu al-dunyā biḥidhāfirahā*) ertinya: “Barang siapa yang sentosa hatinya, sihat badannya, ada makanan untuk dimakannya sehari-hari maka seakan-akan terkumpul dunia dalam tangan”.

Setelah diperhatikan segala cawangan-cawangan bahagia yang diperkatakan oleh orang-orang yang ternama tadi dan setelah diperbandingkan dengan bahagia yang diterangkan oleh Nabi Muhammad shallā Allāh ‘alaihi wa sallam maka dapatlah difahamkan bahawa kesenangan dan kebahagiaan itu tiadalah susah mencarinya, tiadalah jauh tempatnya hanya terletak dalam hati manusia juga.

Oleh sebab itu sayogialah bagi kita yang sedang mencari bahagia itu hendaklah merapatkan perhubungan batin dengan Tuhan, hendaklah hidup menjadi hamba Tuhan yang patut dan supaya jiwa merasai aman dan sentosa, merasai riang dan gembira.

Sebelum hati bersih daripada sifat-sifat yang tercela, sebelum jiwa tunduk ke bawah peraturan Tuhan maka jauhlah bahagia itu dan akan rugilah mereka yang berjalan di luar garisan Tuhan itu.

Kita berharap akan dapat terlepas daripada bahaya tetapi kita tiada berjalan menurut peraturan-Nya, bahtera tidak akan dapat berjalan di atas darat. Oleh sebab itu marilah kita bersama-sama menurut jalan bahagia hakiki supaya jangan tertipu oleh bayang-bayang kesenangan dunia. Jangan tertipu oleh senyuman yang berbungkuskan keluhan. Sekianlah.

– Dari W.B.F. Islam, Selangor.

=====

Sambungan dari muka 15

perpecahan, perselisihan, pertentangan dan permusuhan; kerana yang demikian sesungguhnya adalah suatu kesalahan dan dosa yang sangat besar yang boleh merosakkan masyarakat dan boleh menutup pinttu kesejahteraan negara.

Oleh yang demikian Tuhan melarang pertentangan kepada hamba-Nya yang beriman serta mengancam mereka dengan akibat-akibat yang sangat buruk dan buah hasil yang dikutuk (berupa kekalahan).

Tuhan berfirman (maksud-Nya) “Janganlah kamu bermusuhan-musuhan kerana dengannya kamu menjadi lemah dan hilang kekuatan kamu”.

Wahai orang-orang Islam! Sesungguhnya kejadian sehari-hari ini adalah suatu tamsil teladan dan merupakan pertunjuk-pertunjuk yang berguna. Orang-orang pandai dan bijaksana

dapat mengambil faedah daripadanya lebih banyak daripada mengambil faedah daripada nasihat orang-orang ahli pidato. Itulah kejadian-kejadian yang lewat setiap saat.

Sudahkah kita mengambil pertunjuk dan ibarat? Adakah kita sekarang sudah sembuh dan sedar daripada mabuk kita dan insaf bahawa kita akan tergelincir?

Kita sama-sama mengetahui bahawa kebahagiaan kita adalah bergantung kepada adanya tolong-menolong di antara kita dan persatuan kita, bersih dan suci hati kita, serta keikhlasan pihak yang satu kepada pihak yang lain. Atau ... kita akan tetap di dalam kesesatan yang lama, perpecahan, pertentangan, hasut-menghasut, berbuat pengaruh dan jatuh-menjatuhkan di antara pihak yang satu dengan pihak yang lain ... sedang agama kita adalah satu iaitu Islam, kitab kita satu ialah al-Quran, Nabi kita adalah satu ialah Nabi Muhammad (SAW). Demikian pula kita tergolong di dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

Demi Allah, Keadaan Yang Demikian Ini Bencana Yang Nyata dan Bahaya Yang Besar!

Hai orang-orang Islam! Takutlah kepada Allah dan baliklah kepada kitab Tuhanmu. Bekerjalah mencontoh sunnah Nabimu dan ikutilah orang-orang soleh yang mendahului kamu sebagaimana mereka berjaya. Berdamailah di antara kamu atas dasar takut kepada Tuhan, tolong-menolong atas kebaikan dan taqwa dan janganlah tolong-menolong atas dosa dan permusuhan.

Moga-moga Tuhan meratakan rahmat dan kebaikan atasmu dan janganlah kamu seperti orang yang berkata “kami mendengar” tetapi sesungguhnya ia tidak “mendengar”.

[Diulas dalam rencana pengarang keluaran ini.]